

**Najib akan umum kedudukan Shahrizat pada waktu yang sesuai**  
**The Malaysian Insider**  
**11 Mac , 2012**

KUALA LUMPUR, 11 Mac — Datuk Seri Najib Razak berkata beliau akan mengumumkan kedudukan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil pada waktu yang sesuai.

Shahrizat dipercayai telah mengumumkan perletakkan jawatannya hari ini, lebih dari empat bulan selepas mula dikritik di atas isu pemberian projek RM250 juta kontroversial Pusat Fidlot Nasional (NFC) kepada keluarganya.

Apabila ditanya wartawan semasa di Pasir Gudang, perdana menteri tidak menafikan spekulasi mengenai masa depan ketua Wanita Umno tersebut.

“Saya akan membuat suatu pengumuman pada waktu yang sesuai,” Najib berkata, seperti dilaporkan oleh agensi berita nasional Bernama, dengan Shahrizat turut hadir semasa sidang media tersebut.

Bernama telah melaporkan awal tadi bahawa Shahrizat kelihatan berbincang dengan perdana menteri sebelum siding media bermula.

Kenyataan Najib datang beberapa bulan selepas dakwaan bahawa Shahrizat dan keluarganya telah menggunakan RM250 juta pinjaman kerajaan yang sepatutnya untuk kegunaan Korporasi Fidlot Nasional (NFCorp), untuk perbelanjaan persendirian.

Syarikat membela lembu tersebut diketuai suami Shahrizat, Datuk Seri Mohamad Salleh Ismail, dan tiga anak mereka.

Ianya ditugaskan untuk mengendalikan NFC di Gemas, Negeri Sembilan pada 2006, ketika Shahrizat berada di Kabinet.

Bekas ahli parlimen Lembah Pantai tersebut telah mula-mulanya melawan desakan wakil pembangkang serta ahli-ahli UMNO supaya dia meletak jawatan. Beliau berkata bahawa dia semata-mata isteri kepada Salleh dan tidak mempunyai apa-apa peranan dalam syarikat NFCorp.

NFCorp mula mendapat perhatian apabila Laporan Ketua Audit Negara tahun lepas yang menyatakan bahawa syarikat tersebut gagal meningkatkan pengeluaran daging lembu.

Semenjak itu, syarikat yang dibiayai dana awam tersebut telah didakwa pihak pembangkang menggunakan pinjaman kerajaan untuk sebab-sebab yang tidak berkenaan dengan pembelaan lembu..

Ini termasuk pembelian kondominium mewah bernilai lebih daripada RM60 juta di Bangsar dan Singapura, serta tanah di Putrajaya.

Pihak polis telah mencadangkan bulan lepas bahawa Ketua Peguam mendakwa pengarah-oengarah NFCorp untuk Pecah Amanah Jenayah, tetapi Ketua Peguam telah

meminta polis membuat siasatan lanjutan.

Tempoh Shahrizat sebagai senator, yang membolehkannya memegang jawatan dalam Kabinet, berakhir pada 8 April.

The Malaysian Insider

Hakcipta © 2012 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/najib-akan-umum-kedudukan-shahrizat-pada-waktu-yang-sesuai/>